

Chinese New Year 2018 “Shop & Save” Campaign

Tempoh Kempen

Kempen "Chinese New Year 2018 Shop & Save" (“**Kempen**”) Hong Leong Connect berlangsung dari 15 Januari 2018 (00:00 MYT) hingga 15 Februari 2018 (23:59 MYT) (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dinyatakan sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat yang berikut terpakai bagi Kempen ini (“**T&C**”):-

Definisi dan Interpretasi

Terma berikut hendaklah mempunyai erti yang telah diperuntukkan untuknya melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:-

- “**Bank**” merujuk kepada Hong Leong Bank Berhad (97141-X) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W).
- (“**Scan & Pay**”) merujuk kepada perkhidmatan *mobile point of sale* yang membolehkan Pengguna Connect (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Klausula 1 di bawah) untuk membuat pembayaran di laman web e-dagang melalui Connect App, menggunakan kod QR peniaga.

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Bank individu sedia ada dan baru, termasuk kakitangan Bank, sama ada atas dasar tetap atau kontrak, yang merupakan pengguna berdaftar Hong Leong Connect Internet Banking Connect dan/atau Connect App (“**Pengguna Connect**”).

Bagi mengelakkan keraguan, pelanggan individu baru merujuk kepada individu yang bukan Pengguna Connect sebelum Tempoh Kempen dan mendaftar sebagai Pengguna Connect semasa Tempoh Kempen.

Tata Cara Kempen

2. Melainkan dan kecuali bagi pendaftaran untuk Hong Leong Connect Internet Banking dan/atau Connect App sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausula 1 di atas, tiada pendaftaran diperlukan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini
3. Pengguna Connect berpeluang untuk menerima sejumlah Pulangan Tunai seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah sekiranya syarat-syarat berikut dipenuhi: -
 - a. Pembelian dalam talian di Taobao® Marketplace (<http://world.taobao.com>) (termasuk laman web serantau) atau Platform Tmall.com™ (<http://www.tmall.com>) untuk jumlah yang disenaraikan dalam jadual di bawah dalam satu transaksi; dan
 - b. pembayaran berjaya untuk pembelian dalam talian dalam Klausula 3 (a) di atas melalui Hong Leong Connect Internet Banking atau Connect Scan & Pay,

selepas ini dirujuk sebagai “**Pengguna Connect Layak**” dan Klausula 3 (a) dan (b) secara kolektif dikenali sebagai “**Transaksi Layak**”.

4. Bank akan memperuntukkan maksimum Ringgit Malaysia Tujuh Belas Ribu Tiga Ratus Enam Puluh (RM17,360.00) dalam memenuhi Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Kempen ("**Had Pulangan Tunai**").

Walau apa pun yang terkandung di sini, tiada Pulangan Tunai akan diberi apabila Had Pulangan Tunai dicapai.

Pulangan Tunai

Jumlah Transaksi Layak (termasuk GST)	Pulangan Tunai	Jumlah Bilangan Pemenang
RM80 – RM179.99	RM8	130
RM180 – RM279.99	RM18	130
RM280 – RM379.99	RM28	130
RM380 – RM799.99	RM38	130
RM800 dan ke atas	RM108	50

5. Setiap Pengguna Layak berhak menerima hanya satu (1) kali Pulangan Tunai untuk Kempen ini, tertakluk kepada ketersediaan Had Pulangan Tunai berdasarkan siapa cepat, dia dapat. Jumlah maksimum Pulangan Tunai adalah sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan (RM108.00) sahaja.
6. Transaksi Layak berikut TIDAK layak untuk tujuan Kempen ini: -
 - a. Pembelian yang kemudiannya dibatalkan atau dibayar balik; dan
 - b. Pembelian yang dipertikaikan atau dianggap sebagai tidak sah atau penipuan oleh Bank, dan Bank mempunyai hak mutlak untuk menentukan jika pembelian adalah tidak dibenarkan atau palsu.

Pemenuhan Pemenang

7. Pemenang akan dimaklumkan oleh Bank sama ada melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") atau dalam apa-apa cara lain yang Bank fikirkan praktikal ("**Pemberitahuan Pulangan Tunai**") atas dasar usaha terbaik di nombor telefon terkini mereka atau alamat dirakam dengan sewajarnya oleh dan ditunjukkan dalam sistem dan/atau rekod Bank.

Bagi mengelakkan keraguan, pada dasarnya adalah menjadi tugas/tanggungjawab Pengguna Connect untuk memberi alamat dan nombor telefon yang terkini dan tepat mereka kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat untuk menghantar/menyampaikan Pemberitahuan Pulangan Tunai disebabkan nombor telefon tidak tepat / tidak dikemas kini dan/atau alamat yang diberikan oleh Pengguna Connect, atau SMS yang tidak dapat dihantar/diterima akibat gangguan perkhidmatan pembekal mudah alih. Perkhidmatan SMS untuk Kempen ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482.772-D), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.

8. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Semasa atau Simpanan/akaun Semasa-i atau akaun Simpanan-i ("CASA/CASA-i") yang dikekalkan oleh Pemenang dengan Bank seperti yang ditentukan oleh Bank sebelum 15 April 2018.
9. CASA/CASA-i Pemenang mestilah kekal aktif dan sah sepanjang Tempoh Kempen dan sehingga 15 April 2018, sekiranya gagal berbuat demikian, Pulangan Tunai akan dibatalkan mengikut budi bicara mutlak Bank.
10. Sekiranya Pemenang tidak menerima Pulangan Tunai sebelum 15 April 2018, ia adalah pada dasarnya menjadi kewajipan Pemenang untuk menghubungi Bank mengenai ketidakterimaan Pulangan Tunai sebelum 30 April 2018, sekiranya gagal berbuat demikian, Pemenang dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan apa-apa tuntutan bagi pembayaran balik Pulangan Tunai tidak akan dilayan oleh Bank.

Am

11. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan atau kecacatan kepada barangan yang dibeli. Apa-apa isu-isu berkaitan kualiti barangan yang dibeli hendaklah diselesaikan antara Pengguna Connect dan peruncit/peniaga barangan yang dibeli tanpa rekursa kepada Bank.
12. Dengan menyertai Kempen ini, Pengguna Connect bersetuju:
 - a. Bahawa mereka telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen ini, terma dan syarat Hong Leong Connect dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa;
 - b. Bahawa keputusan Bank atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini termasuk kelayakan Pulangan Tunai adalah muktamad dan mengikat dan tiada sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;
 - c. Bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga, tidak boleh ditukar kepada kredit, cek atau seumpamanya;
 - d. Memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nama, nombor telefon, nombor kad pengenalan kepada pembekal perkhidmatan (iaitu M3 Tech) yang Bank fikirkan sesuai untuk tujuan Kempen ini;
 - e. Untuk membenarkan Bank menerbitkan atau memaparkan nama dan nombor kad pengenalan (dalam bentuk terlindung) dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan untuk tujuan Kempen ini; dan
 - f. Untuk mengakses www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") dan/ atau www.hlisb.com.my ("**Laman Web HLISB**") dari semasa ke semasa untuk mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada Terma dan Syarat Kempen ini.
13. Bank berhak untuk:
 - a. Menambah, menggugurkan atau meminda Terma dan Syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau untuk menggantung atau menamatkan Kempen ini mengikut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB dan/atau Laman Web HLISB atau apa-apa cara lain yang Bank anggap praktikal;
 - b. Membatalkan Pulangan Tunai sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
 - c. Membatalkan penyertaan mana-mana Pengguna Connect dalam Kempen ini dan/ atau daripada menerima Pulangan Tunai:
 - i. Jika Pengguna Connect telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang dan tidak sah (termasuk perjudian) berhubung dengan mana-mana akaun Pengguna Connect dan/atau mana-mana perkhidmatan atau kemudahan Bank yang lain; dan
 - ii. jika pengguna Connect telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh Bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - d. Mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan Pulangan Tunai dengan hadiah lain yang sama nilainya bagi apa-apa jua sebab dengan notis terlebih dahulu kepada pengguna Connect.
13. Terma dan Syarat yang terkandung di sini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Hong Leong Connect sebagai perjanjian keseluruhan Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, Terma dan Syarat ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.

14. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan pengguna Connect bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
15. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara Terma dan Syarat ini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubung dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat akhir di Laman Web HLB dan/ atau Laman Web HLISB akan diutamakan.
16. Kempen ini dianjurkan sepenuhnya oleh Bank. Sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan Kempen ini hendaklah dibuat kepada Bank.